

NAMA : TINGKATAN:

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 2
TINGKATAN 5
GEOGRAFI

2280/2

Kertas 2
Ogos
2021
2 ½ jam

2 Jam 30 Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 3 bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B. Pilih 2 soalan dalam Bahagian C.*
3. *Jawapan Bahagian A dan Bahagian B hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
4. *Jawapan Bahagian C hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.*
5. *Jawapan ketiga-tiga bahagian ini hendaklah diserahkan bersama.*
6. *Penggunaan kalkulator dibenarkan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1	
	2	
B	3	
	4	
	5	
C	6	
	7	
	8	
	9	
Markah		

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak termasuk muka depan

[*Lihat halaman sebelah*
SULIT

Bahagian A

[30 markah]

Jawab semua soalan

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2019 yang disediakan. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.

- 1 (a) (i) Nyatakan lokasi titik tertinggi di bahagian barat Garisan Timuran 06.

..... [1 markah]

- (ii) Berikan rujukan grid bagi lokasi tersebut.

..... [1 markah]

- (b) Carikan bearing dari Tokong Kg Langkap (RG 006609) ke Kuil Kg Ulu Rambat (RG 043603)

..... [2 markah]


- (c) Berapakah jarak talian penghantar elektrik dari RG 055540 ke RG 120562?

.....kilometer [2 markah]

- (d) Mengapakah landskap semula jadi kawasan timur laut peta wajar dipelihara?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]



(e) (i) Mengapakah petempatan penduduk tertumpu di kawasan segi empat grid di atas?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(ii) Cadangkan langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah kesesakan penduduk di bandar tersebut pada 10 tahun akan datang.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

Soalan 2 berdasarkan Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Perbandingan Jumlah Penduduk Negara Jepun Dan Indonesia Antara Tahun 1990 Hingga 2020

Negara	Jumlah penduduk (juta orang)			
	1990	2000	2010	2020
Jepun	124.0	127.5	128.5	126.5
Indonesia	181.4	211.5	241.8	273.5

2 (a) Lukis sebuah graf garisan berganda bagi menunjukkan perbandingan jumlah penduduk negara Jepun dan Indonesia antara tahun 1990 hingga 2020. Gunakan skala 1 cm mewakili 20 juta orang penduduk. [7 markah]

(b) Berdasarkan graf garisan berganda yang dilukis, bandingkan perubahan jumlah penduduk negara Jepun dan Indonesia.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah pertumbuhan penduduk di negara Jepun sangat berbeza dengan pertumbuhan penduduk di Indonesia?

.....

.....

.....

.....

.....


[4 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 3 berdasarkan Rajah 1 di bawah.



Rajah 1

3 (a) Berikan definisi luluh hawa.

..... [1 markah]

(b) Namakan jenis luluh hawa A dan B.

(i) A

(ii) B

[2 markah]

(c) Nyatakan satu proses tindakan luluh hawa yang dominan di kawasan gurun panas.

.....[1 markah]

(d) Jelaskan bagaimana tindakan manusia mempengaruhi kejadian luluh hawa biologi.


.....
 [3 markah]

(e) Terangkan kepentingan proses luluh hawa terhadap kehidupan manusia.

.....

 [3 markah]

Soalan 4 berdasarkan Foto 1 di bawah.




P

Foto 1

Q

- 4 (a) Apakah jenis gerakan jisim P dan Q?
- (i) P :
- (ii) Q : [2 markah]
- (b) Nyatakan perbezaan ciri gerakan jisim P dengan Q.
-
-
- [2 markah]
- (c) Berikan **tiga** faktor yang menyebabkan berlakunya gerakan jisim Q.
- (i)
- (ii)
- (iii) [3 markah]
- (c) Nyatakan **tiga** kesan kejadian gerakan jisim Q kepada kawasan sekitarnya.
- (i)
- (ii)
- (iii) [3 markah]

Soalan 5 berdasarkan Rajah 2 di bawah.



Rajah 2 : Bentuk Muka Bumi Tindakan Ombak


- 5 (a) Namakan bentuk muka bumi X , Y dan Z.
- (i) X : [1 markah]
 - (ii) Y : [1 markah]
 - (iii) Z : [1 markah]
- (b) Pandang darat fizikal di atas terbentuk hasil tindakan ombak. Namakan proses tindakan ombak tersebut.
- [1 markah]
- (c) Aktiviti pembangunan tanpa kawalan akan menjejaskan kawasan pinggir pantai. Nyatakan **tiga** kesan kegiatan manusia di kawasan pinggir pantai.
-
-
- [3 markah]
- (d) Cadangkan usaha-usaha pemuliharaan yang boleh diambil bagi mengatasi kesan tersebut.
-
-
- [3 markah]

Bahagian C

[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

- 6 (a) Terangkan faktor fizikal yang mempengaruhi taburan penduduk di sesebuah kawasan. [6 markah]
- (b) Jelaskan kesan negatif kepadatan penduduk yang tinggi di bandar-bandar besar. [5 markah]
- (c) Rajah 3 di bawah menunjukkan piramid penduduk negara X.



Rajah 3

- (i) Jelaskan ciri kependudukan negara X berdasarkan struktur dan komposisi penduduk. [5 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah pertumbuhan penduduk negara X dikatakan mengalami "Zero Population Growth". [4 markah]


7 Jadual 2 menunjukkan min suhu dan hujan bulanan stesen Z.

Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Suhu(°C)	27	27	28	29	30	31	29	28	28	26	26	27
Hujan (mm)	147	137	218	264	209	130	141	154	190	268	278	232

Jadual 2

- (a) Nyatakan ciri suhu dan hujan di stesen Z. [5 markah]
- (b) Jelaskan aktiviti ekonomi yang sesuai dijalankan di kawasan beriklim Khatulistiwa. [6 markah]

Rajah 4 menunjukkan fenomena perubahan cuaca dan iklim di seluruh dunia.



Rajah 4

- (c) Terangkan punca berlakunya fenomena tersebut. [5 markah]
- (d) Huraikan kesan kejadian dalam Rajah 4 terhadap alam sekitar fizikal. [4 markah]
- 8 (a) Terangkan proses pembentukan hujan. [4 markah]
- (b) Terangkan faktor yang menyebabkan kejadian kemarau. [5 markah]
- (c) Huraikan kesan kemarau kepada manusia dan alam sekitar. [6 markah]
- (d) Cadangkan langkah yang boleh diambil untuk mengatasi kesan kejadian kemarau. [5 markah]

- 9 (a) Di atas Peta 1 (Dunia), di halaman 10, namakan tumbuh-tumbuhan semula jadi di kawasan yang bertanda :
- (i) P
 - (ii) Q
 - (iii) R
 - (iv) S
- [4 markah]
- (b) Nyatakan ciri-ciri penyesuaian yang terdapat pada tumbuh-tumbuhan semula jadi di kawasan Gurun Panas. [5 markah]
- (c) Bagaimanakah tumbuh-tumbuhan semula jadi berperanan dalam memelihara keseimbangan ekosistem? [5 markah]
- (d) Kemukakan usaha untuk mengurangkan kesan penerokaan hutan terhadap alam sekitar. [6 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT


SULIT

2280/2

Nama : Tingkatan :

MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN SIRI 2 GEOGRAFI SPM 2021

Peta 1 (Dunia) untuk soalan No.9(a)



Peta 1 : DUNIA

P	
Q	

R	
S	